

**PEMBINAAN KONSEP PSIKO-*HISBAT* UNTUK  
PENGURUSAN INSAN BERTERASKAN ISLAM**

**AFIFI FARHANA BINTI MHD POAD**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2023**

**PEMBINAAN KONSEP PSIKO-HISBAT UNTUK  
PENGURUSAN INSAN BERTERASKAN ISLAM**

oleh

**AFIFI FARHANA BINTI MHD POAD**

**Tesis diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2023**

## PENGHARGAAN

*Dengan Nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah SWT.*

Syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengurniakan segala nikmat, rahmat dan kasih sayang-Nya sekali gus memberikan kekuatan, kesihatan, kelapangan masa kepada penyelidik untuk menghasilkan tesis ini.

Dalam perjalanan menyiapkan tesis ini, penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan sebanyak ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan tunjuk ajar dan bantuan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Pertamanya, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Azrin Ibrahim selaku penyelia utama dan Prof Madya Dr Nik Rosila Nik Yaacob selaku penyelia bersama yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, nasihat, dorongan, semangat dan cadangan-cadangan bernas kepada penyelidik sejak permulaan kajian ini dilakukan sehingga selesai. Semoga Allah SWT mengurniakan sebaik-baik ganjaran buat kedua-dua penyelia.

Sekalung budi dan ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) yang menjadi tempat rujukan penyelidik. Kemesraan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan mereka sangat memberi inspirasi dan manfaat untuk perkembangan idea dan kandungan tesis ini. Di samping itu, ucapan terima kasih juga dirakamkan buat semua ahli jawatankuasa pengurusan dan staf pentadbiran ISDEV, USM atas segala kerjasama dan bantuan yang telah diberikan kepada penyelidik sepanjang berada di

ISDEV, USM. Hanya Allah SWT sahaja sebaik-baik pemberi ganjaran kebaikan di dunia dan akhirat buat mereka.

Setinggi-tinggi penghargaan juga dirakam kepada para pakar dalam setiap bidang yang terlibat dalam mengesahkan soalan temu bual dan data kajian iaitu Dr. Abang Mohd Razif Abang Muis, Dr. Nor'Azzah Kamri, Dr. Nasir Masroom, Dr. Nurul Suhada Ismail, Dr Ab. Aziz Yusof, Prof. Madya Dr Mardzelah Makhsin dan Dr Sharifah Basirah Syed Muhsin. Ucapan penghargaan juga diucapkan kepada Universiti Sains Malaysia atas pembiayaan melalui Geran Universiti Penyelidikan (RUI) (1001/CISDEV/8016039) yang bertajuk Model Psiko-*Hisbat* untuk Penilaian Prestasi.

Penghargaan teristimewa buat ayahanda dan bonda yang dicintai, Mhd Poad Mhd Tahir dan Karimah Zakaria. Terima kasih atas segala iringan doa dan restu yang senantiasa menjadi penyuntik semangat anakanda. Ribuan terima kasih diucapkan juga kepada suami tercinta, Mohd Sadiq Mohd Mokhtar atas segala bantuan dan semangat yang diberikan. Semoga Allah SWT memberikan ganjaran yang berganda buat mereka di dunia dan akhirat.

Akhir kata, berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang berjasa sepanjang tempoh pengajian ini serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tesis ini sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa baik yang telah diberikan. Semoga rahmat Allah SWT sentiasa dilimpahkan buat semua. Semoga usaha penulisan tesis ini juga diterima sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu pengetahuan dan mencapai keredaan Allah SWT.

**Affi Farhana binti Mhd Poad**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Universiti Sains Malaysia (USM)

Pulau Pinang

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>ix</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>xi</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b> .....	<b>xii</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xiii</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	1
1.2.1 Evolusi Pengurusan Insan .....	2
1.2.2 Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	6
1.2.3 Psikologi Islam dalam Aspek Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	9
1.2.4 <i>Hisbat</i> Sebagai Mekanisme Pengawasan Dalam Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	17
1.3 Pernyataan Masalah .....	22
1.4 Objektif Kajian.....	25
1.5 Persoalan Kajian .....	26
1.6 Definisi Operasional .....	27
1.6.1 Pembinaan.....	28
1.6.2 Konsep .....	29
1.6.3 Psiko- <i>hisbat</i> .....	30
1.6.4 Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	34
1.7 Skop dan Batasan Kajian .....	36
1.7.1 Batasan Skop Kajian.....	36
1.7.2 Batasan Sumber dan Analisis .....	37
1.8 Kepentingan Kajian .....	38
1.9 Sumbangan Kajian .....	39
1.10 Organisasi Tesis .....	40

<b>BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA .....</b>	<b>42</b>
2.1 Pengenalan .....	42
2.2 Kajian Lepas .....	42
2.2.1 Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	43
2.2.2 Konsep Psikologi Islam .....	50
2.2.3 Pengurusan Insan Berteraskan Islam Melalui Kaedah Psikologi Islam	53
2.2.4 <i>Hisbat</i> dalam Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....	62
2.3 Analisis Kajian Lepas .....	70
2.4 Sorotan Karya .....	72
2.4.1 Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	72
2.4.2 Psikologi Islam dalam Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	80
2.4.3 <i>Hisbat</i> sebagai Pengawasan dalam Pengurusan Insan Berteraskan Islam	89
.....	
2.5 Analisis Sorotan Karya .....	94
2.6 Kerangka Konseptual Kajian .....	96
2.7 Rumusan .....	99
 <b>BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....</b>	<b>100</b>
3.1 Pengenalan .....	100
3.2 Reka Bentuk Kajian .....	101
3.3 Kaedah Pengumpulan Data.....	103
3.3.1 Data Sekunder.....	103
3.3.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data.....	106
3.4 Kaedah Penganalisan Data .....	111
3.5 Tatacara Pelaksanaan Kajian .....	113
3.6 Rumusan .....	116
 <b>BAB 4 PSIKOLOGI ISLAM DAN <i>HISBAT</i> DALAM PENGURUSAN INSAN</b>	
<b>BERTERASKAN ISLAM .....</b>	<b>117</b>
4.1 Pengenalan .....	117
4.2 Psikologi Islam dalam Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....	117
4.2.1 <i>Al-Rūh</i> .....	119
4.2.2 <i>Al-‘Aql</i> .....	122
4.2.3 <i>Al-Qalb</i> .....	125
4.2.4 <i>Al-Nafs</i> .....	132
4.3 <i>Hisbat</i> sebagai Kaedah Pengawasan Psikologi dalam Pengurusan Insan	
Berteraskan Islam.....	143

4.3.1	Elemen <i>Hisbat</i> dalam Pengawasan Psikologi Insan Berteraskan Islam ...	144
	.....	
4.3.1(a)	<i>Al-'Amr bi al-Ma'rūf</i> .....	145
4.3.1(b)	<i>Nahy 'an al-Munkar</i> .....	146
4.3.2	Prinsip <i>Hisbat</i> dalam Pengawasan Psikologi Insan Berteraskan Islam ....	148
	.....	
4.3.2(a)	Pengawasan Allah SWT .....	149
4.3.2(b)	Pembalasan Setimpal.....	150
4.3.2(c)	Kewajipan Melaksanakan Tanggungjawab dan Amanah.....	151
4.3.2(d)	Kewajipan Menyuruh Kepada Kebaikan dan Mencegah Kemungkaran .....	152
4.3.3	Proses <i>Hisbat</i> dalam Pengawasan Psikologi Insan Berteraskan Islam ....	154
	.....	
4.3.3(a)	Fasa Persediaan.....	155
4.3.3(b)	Fasa Penganalisan .....	157
4.3.3(c)	Fasa Penilaian .....	159
4.6	Rumusan.....	163
<b>BAB 5 KONSEP PSIKO-<i>HISBAT</i> UNTUK PENGURUSAN INSAN BERTERASKAN ISLAM .....</b>		<b>164</b>
5.1	Pengenalan .....	164
5.2	Pembinaan Konsep Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam	165
5.3	Prinsip Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	172
5.3.1	Penyempurnaan Fitrah Insan .....	177
5.3.2	Pelaksanaan Ibadah.....	179
5.3.3	Kesepaduan Dunia dan Akhirat .....	181
5.3.4	Pencapaian Matlamat Hakiki .....	183
5.4	Elemen Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	185
5.4.1	Hubungan dengan Allah SWT .....	187
5.4.2	Hubungan Insan Sesama Insan dan Alam.....	191
5.4.3	Hubungan Dengan Diri Sendiri .....	196
5.5	Proses Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	201
5.5.1	Perancangan .....	204
5.5.2	Pemantauan .....	207
5.5.3	Pengukuhan.....	211
5.6	Konsep Psiko- <i>hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam .....	215
5.7	Rumusan.....	219

<b>BAB 6 RUMUSAN DAN PENUTUP.....</b>	<b>220</b>
6.1 Pengenalan .....	220
6.2 Rumusan Dapatan Utama Kajian .....	220
6.3 Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar .....	231
6.3.1 Implikasi Terhadap Bidang Ilmu .....	231
6.3.2 Implikasi Terhadap Pembuat Dasar .....	232
6.3.3 Implikasi Terhadap Pelaksana Dasar .....	233
6.4 Kajian Cadangan Masa Hadapan .....	233
6.4.1 Fokus Terhadap Subjek Kajian.....	233
6.4.2 Fokus Terhadap Sampel Kajian.....	234
6.4.3 Fokus Terhadap Skop Kajian.....	234
6.5 Rumusan.....	235
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>236</b>
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Perbezaan antara Pengurusan Personel, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Modal Insan dengan Pengurusan Insan Lazim serta Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....4
Jadual 1.2	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian.....27
Jadual 2.1	Ringkasan Kaedah dan Konsep dalam Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....78
Jadual 3.1	Informan Kajian bagi Kesahan Soalan Pengesahan Dapatan.....107
Jadual 3.2	Soalan untuk Pengesahan Dapatan yang diubah.....108
Jadual 3.3	Senarai Pakar untuk Kesahan Dapatan Kajian.....110
Jadual 3.4	Ringkasan Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Penyelidikan.....115
Jadual 4.1	Kaedah Pengurusan Insan Melalui Komponen Psikologi Islam.....138
Jadual 5.1	Ringkasan Analisis Prinsip Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....174
Jadual 5.2	Proses bagi Konsep Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....203
Jadual 6.1	Rumusan Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Dapatan Kajian.....225

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Evolusi Peristilahan Pengurusan Insan.....4
Rajah 1.2	Model Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....8
Rajah 1.3	Ringkasan Tingkatan Nafsu.....12
Rajah 2.1	Hubungan antara Pengawasan dalam Pengurusan Insan, Tindakan dan Kesan.....74
Rajah 2.2	Definisi Psikologi Islam Secara Konseptual.....81
Rajah 2.3	Struktur Jiwa Insan Berdasarkan al-Qur'an.....82
Rajah 2.4	Pembahagian Jiwa Menurut Ibn Sina & al-Ghazāliy.....83
Rajah 2.5	Pembentukan Model <i>Hisbat</i> Akhlak.....91
Rajah 2.6	Kerangka Konseptual Kajian.....97
Rajah 3.1	Tatacara Pelaksanaan Kajian.....114
Rajah 4.1	Kaedah Pengenalpastian Pengurusan Insan Berteraskan Islam melalui Komponen Psikologi Islam.....118
Rajah 4.2	Ringkasan Analisis Berkaitan Konsep Psikologi Islam alam Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....142
Rajah 4.3	Proses <i>Hisbat</i> dalam Pengawasan Psikologi Insan.....161
Rajah 4.4	Perkaitan bagi Pembinaan Konsep Psiko- <i>Hisbat</i> .....162
Rajah 5.1	Pengintegrasian Konsep Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....171
Rajah 5.2	Ringkasan Pembahagian Prinsip Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....176
Rajah 5.3	Ringkasan Tema bagi Elemen Konsep Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....185

Rajah 5.4	Ringkasan Tema Bagi Elemen Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....	200
Rajah 5.5	Rumusan dan Ringkasan Proses Konsep Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....	213
Rajah 5.6	Struktur Konsep Psiko- <i>Hisbat</i> untuk Pengurusan Insan Berteraskan Islam.....	217

## SENARAI SINGKATAN

BPPs	Bahagian Pengurusan Psikologi
ILIM	Institusi Latihan Islam Malaysia
INTAN	Institusi Tadbiran Awam Negara
ISDEV	Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MPKB-BRI	Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam
MPS	Majlis Pengawasan Syariah
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
OCD	<i>Obsessive Compulsive Disorder</i>
PIN	Pelan Integriti Nasional
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SAW	<i>Ṣalla Allāhu ‘Alayh Wa Sallam</i>
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
SWT	<i>Subhānah Wa Ta‘āla</i>
TQM	<i>Total Quality Management</i>
UPPs	Unit Perkhidmatan Psikologi
USM	Universiti Sains Malaysia
YaPEIM	Yayasan Ekonomi Islam Malaysia
WHO	<i>World Health Organization</i>

## PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
ṭ	ط	-	ا
ẓ	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	ḥ	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	ه	s	س
’	ء	sy	ش
y	ي	ṣ	ص
ṭ	ة	ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	َ	Ā	آ	ay	أَيَّ
i	ِ	Ī	إِيَّ	aw	أُوَّ
u	ُ	Ū	أُوَّ		

Sumber : *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

# PEMBINAAN KONSEP PSIKO-*HISBAT* UNTUK PENGURUSAN INSAN BERTERASKAN ISLAM

## ABSTRAK

Pengurusan insan berteraskan Islam merupakan kaedah menguruskan insan berpandukan ajaran Islam yang merangkumi aspek dalaman dan luaran. Antara aspek utama yang menjadi tumpuan dalam pengurusan insan berteraskan Islam adalah aspek pengawasan yang terdiri daripada pengawasan *al-rūh*, *al-‘aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* seseorang insan. Pengawasan dalam Islam secara umumnya berkait rapat dengan konsep *hisbat*. *Al-rūh*, *al-‘aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* pula secara khusus merupakan komponen psikologi yang merupakan aspek penting untuk diawasi bagi melahirkan insan yang sejahtera dari sudut emosi, rohani dan jasmaninya. Namun, sehingga kini masalah berkaitan psikologi insan dilihat semakin membimbangkan sehingga terdapat beberapa isu yang melibatkan tekanan melampau atau kemurungan yang membawa kepada kes bunuh diri dan sebagainya. Timbul persoalannya, apakah konsep pengawasan psikologi Islam yang sedia ada? Bagaimanakah pendekatan pengawasan psikologi dalam pengurusan insan berteraskan Islam dapat dilakukan? Bagaimanakah *hisbat* dapat diintegrasikan sebagai konsep pengawasan psikologi insan? Berdasarkan persoalan tersebut, kajian ini bertujuan mencapai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti konsep asas psikologi Islam dan *hisbat* dalam pengurusan insan berteraskan Islam. Kedua, menganalisis konsep psikologi Islam dan *hisbat* bagi membina konsep psiko-*hisbat* untuk pengurusan insan berteraskan Islam. Ketiga, mencadangkan konsep psiko-*hisbat* untuk pengurusan insan berteraskan Islam. Untuk mencapai kesemua objektif, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif

asas melalui pendekatan induktif yang dijalankan dalam dua fasa. Fasa pertama, kajian dilakukan dengan mengumpulkan data melalui sumber utama dan data sekunder bagi menjawab objektif pertama dan kedua. Fasa kedua pula dilakukan dengan membina konsep asas psiko-*hisbat* untuk pengurusan insan berteraskan Islam dan menemu bual pakar yang melibatkan tiga informan terpilih bagi mengesahkan dapatan kajian dan konsep asas yang dibina. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti, menganalisis dan mencadangkan konsep psiko-*hisbat* untuk pengurusan insan berteraskan Islam. Hasil kajian mendapati terdapat tiga aspek utama dalam pembinaan konsep psiko-*hisbat* untuk pengurusan insan berteraskan Islam iaitu prinsip, elemen dan proses. Prinsip psiko-*hisbat* yang terhasil ialah melibatkan empat aspek iaitu penyempurnaan fitrah insan, pelaksanaan ibadah, kesepaduan dunia dan akhirat serta pencapaian matlamat yang hakiki. Elemen pula terdiri daripada tiga hubungan iaitu hubungan dengan Allah SWT, hubungan insan sesama insan dan alam serta hubungan dengan diri sendiri. Daripada prinsip dan elemen yang ditemui, kajian ini mengemukakan proses psiko-*hisbat* yang terdiri daripada perancangan, pemantauan dan pengukuhan. Ketiga-tiga aspek ini menghasilkan suatu konsep psiko-*hisbat* untuk pengurusan insan berteraskan Islam khususnya dalam aspek pengawasan melalui lima asas penekanan iaitu keimanan, ibadah, akhlak, ihsan dan *itqān*. Secara keseluruhannya, hasil kajian membuktikan bahawa konsep psiko-*hisbat* untuk pengurusan insan berteraskan Islam dapat dibentuk dengan mengambil kira ketiga-tiga aspek iaitu psikologi Islam, *hisbat* dan pengurusan insan berteraskan Islam.

# THE DEVELOPMENT OF THE CONCEPT OF PSYCHO-*HISBAT* FOR ISLAMIC HUMAN MANAGEMENT

## ABSTRACT

Islamic-based human management is a method of human management based on Islamic teachings that includes internal and external aspects. Among the main aspects that has been focussed in the human management based on Islam is the aspect of surveillance which consists of the spiritual surveillance, intellect, heart and desires of a human being. These four aspects are specific components of psychology which is an important aspect to be monitored to produce a good well-being in terms of emotional, spiritual and physical. However, until now, problems related to human psychology are seen to be increasingly worried to some extent that there are some issues involving extreme stress or depression that lead to suicide and so on. The question arised, is there an existing concept of Islamic psychological surveillance? how can a psychological surveillance approach in Islamic -based human management be done? and how can Islamic concept of *hisbat* can be integrated as a concept of human psychological surveillance? Based on these questions, this study aims to achieve three objectives. First, to identify the basic concepts of Islamic psychology and accountability in Islamic -based human management. Second, to analyze the concept of Islamic psychology and *hisbat* to build the concept of psycho-*hisbat* for Islamic-based human management. Third, to formulate the concept of psycho-mathematics for human management based on Islam. To achieve all these objectives, this study uses a basic qualitative research design through an inductive approach conducted in two phases. The first phase, the study was conducted by

collecting data through primary sources and secondary data to answer the first and second objectives. The second phase is done by constructing the basic concept of *psycho-ḥisbat* for human management based on Islam and interview with the experts involving three selected informants to validate the findings of the study and the basic concepts that has been constructed. The data and informations obtained were then analyzed using content analysis methods to identify, analyze and construct *psycho-ḥisbat* concepts for Islamic-based human management. The results of the analysis found three main aspects in the construction of *psycho-ḥisbat* for human management based on Islam, namely principles, elements and processes. The *psycho-ḥisbat* principle involves four aspects, namely the perfection of human nature (*fitrah*), the worshipping (*ibadah*), the coherence of the world and the hereafter and the achievement of the ultimate goal. The element consists of three relationships, namely the relationship with Allah SWT, the relationship between human beings and nature and the self-relationship. From the principles and elements found, this study presents a *psycho-ḥisbat* processes consisting of planning, monitoring and improvement. These three aspects produce a *psycho-ḥisbat* concept for human management based on Islam, especially in the aspect of supervision through five basic highlight, namely faith, worship, morality, *ihsan* and *itqān*. The results of the study proved that the concept of *psycho-ḥisbat* for Islamic-based human management can be formed by taking into account the three aspects of Islamic psychology, *ḥisbat* and Islamic-based human management.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Secara umum, kajian ini dilakukan bertujuan untuk membina konsep psiko-*hisbat* melalui pengintegrasian ilmu psikologi Islam dan *hisbat*. Secara lebih khusus, kajian ini dilakukan bertujuan membina konsep psiko-*hisbat* untuk pengurusan insan berteraskan Islam yang memfokuskan kepada pengawasan terhadap psikologi insan melalui konsep *hisbat* bagi memastikan insan dapat diurus mengikut landasan Islam. Sebagai pengenalan, bab ini mempunyai sembilan bahagian yang membincangkan secara terperinci mengenai perkara-perkara asas dalam kajian. Pertama, latar belakang kajian; kedua, pernyataan masalah; ketiga, objektif kajian; keempat, persoalan kajian; kelima, skop dan batasan kajian; keenam, definisi operasional; ketujuh, kepentingan kajian; kelapan, sumbangan kajian; dan kesembilan, organisasi tesis.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Bahagian ini dibahagikan kepada empat subtopik yang membincangkan latar belakang kajian secara khusus. Empat subtopik tersebut ialah pertama, evolusi pengurusan insan; kedua, pengurusan insan berteraskan Islam; ketiga, psikologi Islam dalam aspek pengurusan insan; dan keempat, *hisbat* sebagai mekanisme pengawasan dalam pengurusan insan.

### 1.2.1 Evolusi Peristilahan Pengurusan Insan

Insan<sup>1</sup> secara umum merupakan pelaku pembangunan yang bertindak sebagai penggerak kemajuan dan pencetus kegemilangan (Muhammad Syukri Salleh, 2021). Justeru, insan perlu diurus bagi memastikan potensi insan dapat digilap dan digunakan dengan sebaik mungkin untuk mencapai objektif utama sama ada kepada diri sendiri, keluarga, institusi, masyarakat atau negara (Akademi Pengurusan YaPEIM, 2017). Kepentingan menguruskan insan dapat dibuktikan apabila evolusi pengurusan insan telah berlaku seawal tahun 1915 sehingga kini dengan melalui pelbagai peristilahan. Hal ini bertujuan menambahbaik dan memperhalusi konsep menguruskan insan bagi memastikan sesebuah matlamat dapat dipenuhi oleh insan tersebut.

Secara umumnya, istilah insan merujuk kepada manusia dan perbincangan mengenai pengurusan manusia ini telah bermula seawal tahun 1915. Namun, pada ketika itu istilah yang diguna pakai dikenali sebagai *welfare*, kemudiannya pada tahun 1930 diperkenalkan pula pentadbiran personel dan pengurusan personel pada tahun 1940 (Armstrong, 1988). Namun, pengurusan personel dilihat kurang memberi keberkesanan dalam menguruskan insan kerana lebih menumpukan kepada struktur

---


<sup>1</sup> Dalam Islam insan merupakan khalifah dan hamba Allah SWT yang mempunyai keistimewaan berbanding makhluk lain dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan segala tugas serta hak di dunia dan akhirat (Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, 1977). Fungsi insan sebagai khalifah adalah untuk menguruskan alam dengan menggunakan segala kebijaksanaan pemikiran dan kekuatan akal fizikal serta melakukan penambahbaikkan dan pembangunan demi menjana kemakmuran alam dan isinya (Ab. Aziz Yusof, 2012). Namun, sebagai hamba insan perlu tunduk dan patuh dengan segala garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Hal ini disebabkan, manusia telah mengakui ketuhanan Allah SWT di alam roh lagi dengan menyatakan kesanggupan untuk mengabdikan diri semata-mata kerana Allah SWT (Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1991). Dalam al-Quran, istilah insan dirujuk kepada beberapa kelompok. Bagi kelompok pertama iaitu *al-insān*, empat perkataan sama erti ditemui iaitu *al-ins* (18 kali), *al-unās* (5 kali), *al-insān* (65 kali) dan *al-nās* (243 kali) yang membicarakan pelbagai aspek (Baharuddin, 2004). Selain itu, istilah insan juga dirujuk kepada dua kelompok istilah yang lain iaitu al-Basyar (37 kali) dan Bani Adam (7 kali) (Baharuddin, 2004 & Rahmat Hidayat, 2017).

dalam sesebuah organisasi untuk memastikan matlamat organisasi terbabit tercapai (Onyishi, Eme & Emeh, 2012; Abang Mohd Razif Abang Muis, 2017). Hal ini menyebabkan, pada tahun 1980-an pengurusan personel mula berubah kepada pengurusan sumber manusia yang diasaskan oleh C. J Fombrun di Amerika Syarikat dengan membawa tujuan pengurusan yang lebih saintifik melalui gabungan kepentingan insan dan kepentingan organisasi (Armstrong, 1988) dengan memberi penekanan kepada aspek sumbangan individu atau kumpulan terhadap prestasi, komitmen dan ganjaran (Henderson, 2011).

Setelah itu, pada awal tahun 2000 istilah pengurusan modal insan pula diperkenalkan dengan tujuan memperlengkapkan dan memperkukuhkan pengurusan sumber manusia (Baron & Armstrong, 2010) yang dikatakan lebih memberi tumpuan kepada aspek luaran sehingga kurang menekankan nilai keinsanan dan menganggap insan sebagai makhluk ekonomi (Ab. Aziz Yusof, 2014). Namun, pengurusan modal insan juga disedari hanya bermatlamatkan untuk memperoleh pendapatan daripada insan yang memiliki pengetahuan dan kemahiran yang kompetitif semata-mata dan tidak mengambil kira kelebihan insan serta proses yang terlibat dalam membangunkan insan tersebut (Abang Mohd Razif Abang Muis, 2017).

Bermula dari hal inilah, istilah pengurusan insan mula dikenali dan diguna pakai oleh kebanyakan pengkaji dan organisasi. Namun istilah pengurusan insan yang diguna pakai dilihat mempunyai dua perspektif yang berbeza, Pengurusan insan dari perspektif lazim biasanya dikaitkan dengan pengurusan sumber manusia atau pengurusan modal insan, sebaliknya pengurusan insan dari perspektif Islam pula mempunyai matlamat yang jelas iaitu untuk mencapai keredaan Allah SWT (Abang

Mohd Razif Mohd Muis, et al., 2018). Evolusi peristilahan pengurusan insan dan perbezaannya dapat dilihat dengan jelas melalui Rajah 1.1 dan Jadual 1.1 yang berikut:



**Rajah 1.1:** Evolusi Peristilahan Pengurusan Insan (diolah dari: Armstrong, 1999 & Lenny Luat, 2017),

**Jadual 1.1:** Perbezaan antara Pengurusan Personel, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Modal Insan dengan Pengurusan Insan Lazim serta Pengurusan Insan Berteraskan Islam

Pengurusan	Perbezaan
Pengurusan Personel	Mengendalikan insan hanya untuk memastikan objektif sesebuah organisasi atau institusi tercapai (Onyishi, Eme & Emeh, 2012)
Pengurusan Sumber Manusia	Menekankan aspek luaran dengan beranggapan bahawa insan adalah makhluk ekonomi yang bermatlamat untuk memaksimumkan keuntungan (Muhammad Syukri Salleh, 2021; Ab. Aziz Yusof, 2014)
Pengurusan Modal Insan	Menekankan output, hasil dan nilai sahaja tanpa melibatkan proses membangunkan keinsanan insan (Abang Mohd Razif Abang Muis, 2017)
Pengurusan Insan	<u>Lazim</u> Berkait rapat dengan pengurusan sumber manusia

	dan pengurusan modal insan yang bermatlamatkan untuk memenuhi manfaat kepada sesebuah institusi (Abang Mohd Razif Abang Muis, 2018)
	<u>Berteraskan Islam</u> Bermatlamat untuk mencapai keredaan Allah SWT (Abang Mohd Razif Abang Muis, 2018)

Rajah 1.1 serta Jadual 1.1 secara ringkas memperlihatkan evolusi peristilahan pengurusan insan yang berlaku sejak dari tahun 1915 sehingga kini dengan perbezaan antara kelima-lima istilah pengurusan insan yang utama iaitu pengurusan personel, pengurusan sumber manusia, pengurusan modal insan, pengurusan insan lazim dan pengurusan insan berteraskan Islam. Menurut Armstrong (1999), perubahan istilah yang berlaku adalah proses yang natural memandangkan ia turut merujuk kepada kaedah menguruskan manusia. Namun, secara mendalam peristilahan tersebut mempunyai perbezaan yang tersendiri dari sudut konsep asas perlaksanaannya sebagaimana yang diringkaskan dalam Jadual 1.1.

Pengurusan personel misalnya, memberi kepentingan mengendalikan insan hanya untuk memastikan objektif sesebuah organisasi atau institusi tercapai (Onyishi, Eme & Emeh, 2012). Pengurusan sumber manusia pula lebih menekankan aspek luaran dengan beranggapan bahawa insan adalah makhluk ekonomi yang bermatlamat untuk memaksimumkan keuntungan (Muhammad Syukri Salleh, 2021; Ab. Aziz Yusof, 2014), manakala pengurusan modal insan pula menekankan output, hasil dan nilai sahaja tanpa melibatkan proses membangunkan keinsanan insan itu sendiri (Abang Mohd Razif Abang Muis, 2017).

Justeru, pada masa kini para pengkaji mula memperkenalkan istilah pengurusan insan. Namun, secara umum pengurusan insan juga mempunyai dua perspektif yang berlainan. Pengurusan insan secara lazim biasanya berkait rapat dengan pengurusan sumber manusia dan pengurusan modal insan yang bermatlamatkan untuk memenuhi manfaat kepada sesebuah institusi (Abang Mohd Razif Abang Muis et al., 2018). Sedangkan pengurusan insan yang berteraskan Islam mempunyai matlamat yang lebih jelas iaitu untuk mencapai keredaan Allah SWT (Abang Mohd Razif Abang Muis et al., 2018). Secara jelas, latar belakang pengurusan insan berteraskan Islam dibincangkan dalam subtopik 1.2.2.

### **1.2.2 Pengurusan Insan Berteraskan Islam**

Pengurusan insan berteraskan Islam adalah kaedah menguruskan insan berasaskan kepada al-Qur'an dan Hadis yang bukan hanya merangkumi faktor dalaman dan luaran, tetapi melibatkan tiga skala<sup>2</sup> waktu iaitu alam roh, alam dunia dan alam akhirat (Muhammad Syukri Salleh, 2021; Fadzila Azni Ahmad, 2016). Selain itu, pengurusan insan berteraskan Islam juga menitikberatkan tiga dimensi iaitu hubungan insan dengan Pencipta, hubungan insan sesama insan dan alam serta hubungan mendalam yang melibatkan keharmonian dan keseimbangan komponen dalaman insan (Ab. Aziz Yusof, 2014; Fadzila Azni Ahmad, 2016). Hal ini secara tidak langsung bertujuan mencapai matlamat utamanya iaitu mendapat *marḍāt Allāh* atau keredaan Allah SWT (Muhammad Syukri Salleh, 2021; Fadzila Azni Ahmad, 2016).

---

<sup>2</sup> Skala waktu dalam pengurusan insan berteraskan Islam tidak hanya memfokuskan kepada alam dunia sahaja, malah skala waktu pengurusan insan berteraskan Islam menurut Muhammad Syukri Salleh (2021) adalah meliputi alam roh sebagai alam perjanjian, alam dunia sebagai alam pembuktian dan alam akhirat sebagai alam pembalasan.


Walau bagaimanapun, untuk memastikan matlamatnya tercapai, sesebuah pengurusan insan berteraskan Islam perlu memenuhi aspek pengurusan spiritual, emosional dan fizikal insan (Seyed Mohammad Moghimi, 2019). Secara khususnya, pengurusan spiritual, emosional dan fizikal dalam pengurusan insan berteraskan Islam adalah bertujuan memastikan agar insan dapat mewujudkan pertimbangan dalam melaksanakan sesuatu tindakan atau berhati-hati terhadap sesuatu perkara agar tidak terjerumus kepada perkara yang ditegah dalam Islam (Seyed Mohammad Moghimi, 2019). Hal ini bersesuaian dengan pandangan Panel Akademi Pengurusan YaPEIM (2017) yang menyatakan bahawa antara proses pengurusan berteraskan Islam adalah pengurusan yang sempurna meliputi segala emosi, sikap dan tindakan penting bagi memastikan matlamat dapat dicapai. Perkara tersebut sekali gus dapat memastikan agar insan dapat menjaga dirinya daripada melakukan perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Hal yang sama juga turut diakui oleh Ab. Aziz Yusof (2014) yang berpendapat bahawa teras utama yang menjadi kayu ukur kepada kecemerlangan pengurusan insan berteraskan Islam adalah melibatkan pengurusan kepada lima komponen insan iaitu *al-rūh*, *al-‘aql*, *al-qalb*, *al-nafs* dan fizikal<sup>3</sup>. Justeru, Ab. Aziz Yusof dan Mutiara Dwi Sari (2017) berpandangan bahawa pengurusan insan berteraskan Islam seharusnya meliputi elemen *al-rūh*, *al-‘aql*, *al-qalb*, *al-nafs* dan fizikal. Hal ini berdasarkan model asas pengurusan insan berteraskan Islam yang dikemukakan oleh Ab. Aziz Yusof (2014) iaitu meliputi keperluan menguruskan *al-rūh*, *al-‘aql*, *al-qalb*, *al-nafs* dan fizikal yang selari dengan tuntutan keinsanan. Rajah 1.2

---

<sup>3</sup> Berdasarkan kelima-lima elemen tersebut, kajian ini hanya memfokuskan secara khusus empat elemen yang utama iaitu *al-rūh*, *al-‘aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* dalam subtopik 1.2.3. Walau bagaimanapun, secara tidak langsung, elemen fizikal turut dinyatakan dalam kajian ini kesan daripada *al-rūh*, *al-‘aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* yang baik atau sebaliknya.

mempamerkan model pengurusan insan berteraskan Islam yang menjadi tuntutan dalam melahirkan insan yang efektif dan efisien.



**Rajah 1.2:** Model Pengurusan Insan Berteraskan Islam  
(Diolah dari sumber: Ab. Aziz Yusof, 2014)

Berdasarkan Rajah 1.2, Ab. Aziz Yusof (2014) berpandangan bahawa pengurusan insan berteraskan Islam yang dijalankan seharusnya memenuhi aspek pengurusan psikologi Islam yang merangkumi *al-rūh*, *al-‘aql*, *al-qalb*, *al-nafs* dan fizikal secara holistik. Hal ini disebabkan, aspek tersebut memainkan peranan yang besar dalam melahirkan insan yang baik akhlaknya, berbudi bahasa, sihat akal fikiran dan mampu menilai antara perlakuan keperibadian atau sebaliknya (Ab. Aziz Yusof, 2014). Tambahan pula, Abdul Mujib dan Jusuf Mudzakir (2002) serta Muhammad `Utsman Najati (2004) berpandangan bahawa fizikal, *al-rūh*, *al-‘aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* perlu diurus dan diawasi untuk mencapai kebahagiaan jiwa insan.

Secara umumnya, pengawasan menurut perspektif Islam terkait rapat dengan ihsan dan *hisbat* yang merupakan manifestasi daripada amalan *al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar* (al-Ghazāliy, 1981b; al-Māwardiy, 1993; Auni Abdullah, 2000; Panel Akademi Pengurusan YaPEIM, 2017), manakala jiwa insan berkait rapat dengan psikologi Islam yang juga dikenali dengan ilmu jiwa (al-Ghazāliy, 1981a; Malik Badri, 1979; Hasan Langgulung, 1991; Aisha Utz, 2011; Ibn Qayyim al-Jawziyā, 2018). Oleh yang demikian, kajian ini mendapati bahawa kedua-dua aspek adalah saling berkaitan dengan pengurusan insan berteraskan Islam. Hal ini membawa kepada perbincangan mendalam berkaitan latar belakang psikologi Islam dan *hisbat* dalam subtopik 1.2.3 dan 1.2.4.

### **1.2.3 Psikologi Islam dalam Aspek Pengurusan Insan Berteraskan Islam**

Psikologi Islam merupakan suatu kajian falsafah jiwa dan fikiran (Samah, 2018; Rassool, 2021) yang membantu seseorang menguruskan dirinya sendiri atau insan lain dengan memahami ekspresi diri, aktualisasi diri, realisasi diri, konsep diri, citra diri, martabat diri, kesedaran diri, mengawal diri dan evaluasi diri (Khaidzir Ismail, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Jamsari Alias, 2019; Siti Azura et al., 2018). Berdasarkan pandangan Munn (1962) dan Vogel (1986), psikologi terbentuk daripada dua perkataan Greek iaitu *psyche* yang bermaksud jiwa dan *logos* yang membawa maksud ilmu. Dalam Islam, pendefinisian psikologi adalah berlandaskan al-Qur'an dan Hadis yang bertujuan menghubungkan aspek dalaman dan perilaku insan dalam membentuk kualiti diri yang lebih sempurna bagi mendekatkan diri insan dengan Allah SWT melalui proses penyucian hati serta memperoleh keredaan Allah SWT di dunia dan akhirat (Indriani Rusli, 2007; Fariza Md Sham, 2016).

Psikologi Islam juga adalah sebahagian daripada bidang tasawuf yang merupakan satu sistem ajaran Islam yang berkait rapat dengan ilmu kerohanian atau dalaman (Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir, 2002). Hal ini bersesuaian dengan dasar utama psikologi Islam dibangunkan iaitu melalui dasar keIslaman dan nilai-nilai agama (Khaidzir Islam et al., 2019). Jika ditinjau dari pandangan sarjana berdasarkan perspektif Islam, terdapat empat istilah utama yang mengaitkan psikologi Islam atau ilmu jiwa iaitu *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs*. Menurut Baharuddin (2004), pembahagian psikologi Islam tersebut terbahagi kepada *al-rūh* sebagai dimensi spiritual psikologi insan, *al-'aql* dan *al-qalb* sebagai dimensi insaniah psikologi insan dan *al-nafs* sebagai elemen dasar psikologi insan.

*Al-rūh*<sup>4</sup> (roh) merupakan hakikat pengetahuan insan (Moh. Sholeh, Imam Musbikin, 2005) yang bersifat halus dan dapat mengetahui segala sesuatu serta menangkap segala pengertian (al-Ghazāliyy, 1981a & Ibn Qayyīm al-Jawziyyat, 2018). *Al-rūh* juga bersifat *rabbāniyyat* dan *rūhāniyyat* yang dapat memahami, mengetahui dan menyedari hakikat insan itu sendiri (Sa'īd Ḥawwā, 2006). Di samping itu, *al-rūh* juga memiliki daya untuk menarik dan mendorong dimensi-dimensi lain untuk mewujudkan sifat-sifat ketuhanan dalam diri seseorang insan (Baharuddin, 2004). *Al-rūh* menurut al-Ghazāliyy (1981a) terdiri daripada dua iaitu roh nyawa ataupun *rūhul ḥayāt* dan roh yang halus atau disebut juga sebagai *rūhul tamayyiz* (Muhammad Syukri Salleh, 2021). *Rūhul ḥayāt* ialah nyawa yang dimiliki oleh setiap insan, manakala *rūhul tamayyiz* pula ialah roh yang menjadi saksi di alam roh dan akan kembali menghadap

---

<sup>4</sup> Perkataan *al-rūh* dalam al-Quran disebut sebanyak 24 kali yang membawa makna pertolongan atau rahmat Allah SWT, Jibril dan wahyu. Selain itu, terdapat lima perkataan *al-rūh* yang mempunyai hubungan dengan psikologi insan atau secara jelas membicarakan mengenai proses penciptaan insan (Baharuddin, 2004).

Allah SWT untuk diadili sama ada menerima ganjaran yang baik mahupun jahat di akhirat kelak (al-Ghazāliy, 1981a & Muhammad Syukri Salleh, 2021).

*Al-‘aql*<sup>5</sup> (akal) pula merupakan suatu hakikat untuk mengetahui sesuatu dan bertujuan mendapatkan ilmu (al-Ghazāliy, 1981a; Sa‘īd Ḥawwā, 2006). Menurut al-Ghazāliy (1981a) *al-‘aql* adalah bersifat halus dan bertempat di hati. Dalam psikologi Islam, *al-‘aql* merupakan instrumen jiwa yang membezakan manusia dengan makhluk lain dan berfungsi menemukan, mengembangkan, mengkontruksikan serta menciptakan ilmu pengetahuan di samping dapat mengendalikan hawa nafusnya (Baharuddin, 2004). Dari sudut pengurusan insan pula, *al-‘aql* penting bagi memastikan agar seseorang insan mengetahui kebenaran dan hakikat sesuatu perkara agar tidak terjerumus dalam masalah-masalah yang lain (Ab. Aziz Yusof & Mutiara Dwi Sari 2017). Hal ini disebabkan, *al-‘aql* merupakan pengimbang dan penghubung kepada kehendak fizikal dan spiritual seseorang insan.

Seterusnya, *al-qalb*<sup>6</sup> dalam psikologi Islam merupakan suatu keadaan rohaniah yang sering berbolak-balik dalam menentukan sesuatu ketetapan (Baharuddin, 2004 & Basri Ibrahim, 2022). Menurut Basri Ibrahim (2022), *al-qalb* merupakan raja bagi


---

<sup>5</sup> Perkataan *al-‘aql* dalam al-Quran mempunyai 49 patah iaitu di 30 surah dan 49 ayat yang berlainan. Antara bentuk perkataan *al-‘aql* dalam ialah *‘aqala* (1 ayat), *ta‘qilūn* (24 ayat), *na‘qilu* (1 ayat), *ya‘qilu* (1 ayat) dan *ya‘qilūn* (22 ayat) (Baharuddin, 2004).

<sup>6</sup> Perkataan *al-qalb* disebut dalam al-Quran sebanyak 122 kali iaitu dalam 45 surah dan 112 ayat yang berlainan. Maksud *al-qalb* dalam al-Quran mempunyai kepelbagaian antara lainnya menjelaskan mengenai, pertama, iman; kedua, kemampuan *al-qalb* menampung perasaan takut, gelisah, harapan, dan ketenangan; ketiga, *al-qalb* dapat menerima dan menyimpan sifat-sifat keteguhan hati, kesucian, kekasaran, kekerasan, dan sifat sombong; keempat, *al-qalb* juga dapat menerima penyakit hati dan melahirkan sifat kasar, keras dan kejam; kelima, *al-qalb* mempunyai kemampuan berzikir dan ia akan menjadi tenang; keenam, *al-qalb* mempunyai kemampuan untuk memahami (iaitu dengan menggunakan akal) (Baharuddin, 2004). Istilah *al-qalb* dalam al-Quran juga disebut dengan istilah *ṣadr* (merupakan tempat terbitnya cahaya iman dan Islam), *fu‘ād* (tempat terbitnya ma‘rifat kepada Allah SWT), *lubb* (tempat terbitnya tauhid) dan *al-syagaf* (tempat munculnya kecintaan sesama makhluk dan manusia) (Baharuddin, 2004).

anggota badan yang menentukan baik atau buruk tindakan seseorang insan. Secara umum, al-Ghazāliy (1981a) menjelaskan bahawa *al-qalb* mempunyai dua makna yang berbeza iaitu pertama, segumpal darah yang terletak di dada atau disebut juga sebagai jantung; kedua, *al-qalb* yang bersifat ketuhanan atau kerohanian yang merupakan hakikat insan dan berperanan untuk menangkap pengertian, pengetahuan dan kearifan (kebijaksanaan). Berdasarkan pandangan Baharuddin (2004) pengetahuan berdasarkan *al-qalb* adalah melalui daya memahami dan merasakan apa-apa yang ada pada *al-qalb* (Baharuddin, 2004).

*Al-nafs*<sup>7</sup> atau nafsu pula membawa maksud keinginan, kekuatan atau daya marah dalam diri insan (Sa‘īd Ḥawwā, 2006). Menurut al-Ghazāliy (1981a), nafsu pada dasarnya dihuraikan kepada dua maksud iaitu pertama, merupakan tempat sifat tercela pada manusia; kedua, sifat pada manusia yang mengikut keadaan. Rajah 1.3 menunjukkan ringkasan tingkatan nafsu dalam Islam:



**Rajah 1.3:** Ringkasan Tingkatan Nafsu  
(Diolah dari al-Ghazāliy, 1981a; Muhammad Syukri Salleh, 2021)

<sup>7</sup> Perkataan *al-nafs* dalam al-Quran mempunyai 297 patah yang membawa pelbagai maksud. Antaranya waktu subuh, munafik, diri manusia dan nafsu. Namun sebahagian besar maksud *al-nafs* adalah menunjukkan diri manusia secara fizikal atau psikologi (Baharuddin, 2004).

Sebagaimana yang dibincangkan oleh al-Ghazāliy (1981a) dan Ibn Qayyīm al-Jawziyat̄ (1999) nafsu pada diri manusia dalam keadaan tenang dipanggil nafsu *mutma'innat̄* (jiwa yang tenang), bila manusia berada dalam keadaan tidak sempurna dan menjadi pendorong kepada syahwatnya, maka nafsunya dipanggil nafsu *lawwāmat̄* (jiwa yang mencela). Namun, jika manusia tunduk dan patuh kepada kehendak nafsu syahwat ia dipanggil nafsu *'ammārat̄* (nafsu yang menurut kepada kejahatan) (al-Ghazāliy, 1981a & Ibn Qayyīm al-Jawziyat̄, 2018).

Di samping tiga tingkatan nafsu yang sering dibincangkan oleh sarjana Islam, terdapat perbincangan yang menyatakan bahawa tingkatan *al-nafs* juga terdiri daripada *al-nafs mulhamat̄* (nafsu yang sudah bersih dari sifat-sifat hati yang tercela), *rāḍiyat̄* (nafsu yang reda atas segala ketentuan dan hukuman Allah SWT), *marḍiyat̄* (nafsu yang diredai Allah SWT) dan *kāmilat̄* (nafsu yang paling sempurna di sisi Allah SWT) (Hasan Langgulung, 1991; Muhammad Syukri Salleh, 2021). Mengikut pandangan oleh al-Ghazāliy (1981a) dan Ibn Qayyīm al-Jawziyat̄ (1999) tingkatan-tingkatan *al-nafs* yang berikut adalah berkait rapat dengan pengurusan *al-nafs* seseorang insan. Lantaran itu, Abdul Rahman Aziz (1995) berpendapat pengurusan *al-nafs* yang baik pada setiap diri insan memainkan peranan sebagai pengawal seseorang dalam melaksanakan tugasnya.

Hal ini bersesuaian dengan pandangan Sharifah Basirah Syed Muhsin et al. (2022) yang menyatakan bahawa diri insan bergantung kepada usaha mengawasi *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* mereka. Jika dapat dikawal punca kepada sifat buruk, kesannya dapat mengelakkan daripada wujudnya perasaan negatif seperti iri hati,

marah, pentingkan diri dalam setiap insan yang seterusnya memberi impak positif kepada diri insan itu sendiri.

Melalui pengurusan dan pengawasan terhadap keempat-empat komponen inilah yang akan menjana tingkah laku seseorang sama ada baik atau sebaliknya serta mampu membina diri insan yang berkualiti (Mohd Yusof Othman, 2017). Hal ini penting bagi memastikan kualiti diri dapat dibentuk dengan sempurna merangkumi aspek fizikal dan spiritual yang akhirnya akan memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir, 2002; Tohirin, 2017). Menurut Ab. Aziz Yusof dan Mutiara Dwi Sari (2017) dari sudut fizikal, psikologi Islam dalam aspek pengurusan insan berteraskan Islam penting bagi menggerakkan langkah kerja yang berkualiti dan berdisiplin agar dapat memberi manfaat kepada diri insan. Dari sudut spiritual pula, psikologi Islam dalam pengurusan insan berteraskan Islam dapat membentuk insan berhadapan dengan tekanan akibat daripada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan (Ab. Aziz Yusof, 2017).

Justeru, Ab. Aziz Yusof dan Mutiara Dwi Sari (2017) menyarankan agar pengurusan insan berteraskan Islam yang dijalankan perlu diuruskan dan dibangunkan melalui kekuatan psikologi Islam yang terangkum melalui komponen *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs*. Hal ini mempunyai persamaan dengan pandangan Fadzila Azni Ahmad (2016), Sidek Baba dan Mohd Shukri Hanapi (2018) yang menyatakan bahawa setiap insan merangkumi komponen *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* yang merupakan penentu kepada baik dan buruknya sesuatu tindakan yang akan terzhahir pada anggota badan seperti mata, telinga, mulut, tangan, perut, kemaluan dan kaki (Muhammad Syukri Salleh, 2021).

Pengabaian terhadap komponen-komponen dalaman tersebut pula mampu menyumbangkan kepada masalah kesihatan mental dan jiwa insan. Menurut Abdul Mujib dan Jusuf Mudzakir (2002), masalah kesihatan mental dan gangguan jiwa adalah disebabkan faktor spiritual dan agama yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama, berhubung dengan akidah atau hubungan dengan Allah SWT seperti syirik, kufur, dan sebagainya; kedua, berhubung dengan hubungan insan sesama insan seperti hasad dengki, ujub, bersangka buruk dan sebagainya; dan ketiga, berhubung dengan akidah dan hubungan dengan diri insan seperti *riyā'* dan *nifāq*. Sebagai contoh, mereka yang melakukan perbuatan dosa dan maksiat akan mengalami keresahan, kegelisahan yang akhirnya menyebabkan mereka tidak dapat menikmati kejayaan secara fizikal (Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir, 2002).

Berdasarkan pandangan Abdul Mujib dan Jusuf Mudzakir (2002) berkenaan kaitan gangguan jiwa dan faktor spiritual seperti hubungan dengan Allah SWT, maka konsep-konsep psikologi lazim untuk menguruskan insan boleh dipertikai penggunaannya. Antara konsep pengurusan psikologi lazim tersebut ialah konsep kawalan lokus atau "*locus of control*", konsep sendiri dan kerisauan. Konsep kawalan lokus yang dibina oleh Rotter (1966) dilihat tidak dihubungkan kepada Allah SWT. Hal ini disebabkan, berdasarkan pandangan Rotter (1966) kawalan lokus merujuk kepada persepsi individu terhadap sesuatu perkara yang berlaku adalah disebabkan diri sendiri atau pengaruh luar. Pengaruh luar dalam kawalan lokus adalah bermaksud sesuatu kawalan yang bebas daripada tindakan mereka sendiri atau akibat nasib, atau peluang yang tidak diramalkan (Tyler, Heffernan & Fortune, 2020). Begitu juga dengan konsep sendiri dan kerisauan dalam pengurusan psikologi lazim. Hal ini disebabkan, konsep sendiri dilihat hanya dipengaruhi oleh persekitaran

seperti keluarga, guru, masyarakat dan diri individu sendiri sahaja (Jamaludin Ramli, 2008).

Hal ini berbeza dengan pengurusan psikologi insan dalam Islam yang amat menekankan aspek hubungan insan dengan Allah SWT. Oleh yang demikian, konsep-konsep psikologi Islam untuk menguruskan insan berdasarkan sumber ilmu utama dalam Islam perlu diketengahkan. Antara konsep pengurusan psikologi Islam yang telah diperkenalkan ialah konsep psikoterapi Islam, konsep psikospiritual Islam dan konsep psiko-*hisbat*. Psikoterapi Islam adalah suatu bidang pengubatan atau perawatan yang menggunakan kaedah bersumberkan syariat Islam iaitu memberi penekanan kepada iman, ibadah dan tasawuf untuk mewujudkan kesihatan mental (Norhafizah Musa, Azahar Yaakub, Siti Suhaila Ihwani, et al., 2018).

Sedangkan, psikospiritual Islam menurut M. Hamdani Bakran Adz-Dzaky (2001) pula merupakan suatu kaedah perawatan berteraskan amalan yang bersumberkan al-Qur'an, al-Sunnah, amalan para soleh dan ilmu pengetahuan yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah bagi merawat penyakit mental, spiritual dan emosi (Nor Azah Abdul Aziz, 2009). Berdasarkan pandangan Che Zarrina Sa'ari (2019) konsep psikospiritual Islam memfokuskan *tazkiyat al-nafs* melalui penekanan kepada proses *takhalli*, *tahalli*, *tajalli* yang berfungsi sebagai pencegah, penyembuh, perawatan dan penyuci hati. Seterusnya, terdapat juga konsep psiko-*hisbat* yang diperkenalkan oleh Azrin Ibrahim (2020) yang cuba mengintegrasikan konsep psikologi Islam dan *hisbat* dengan menyetengahkan prinsip *al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar*. Namun, berdasarkan penelitian penyelidik, konsep psiko-*hisbat* yang

mengetengahkan prinsip *al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar* belum dikaji secara mendalam oleh mana-mana pengkaji.

Konsep *al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar* merupakan salah satu elemen yang amat dititikberatkan dalam Islam untuk memastikan setiap insan daripada terjebak dalam kemungkaran dan menyeru insan ke arah kebaikan. Berdasarkan pandangan beberapa pemikir Islam seperti Ibn Khaldūn (1930), al-Māwardiy (1993), al-Māwardiy (1993) dan Ibn Manzūr (1997), salah satu amalan yang berkaitan dengan *al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar* ialah amalan *ḥisbat* yang berfungsi untuk mengawasi dan mencegah diri insan daripada terjebak dalam sesuatu yang ditegah dalam Islam dan menyuruh insan agar melaksanakan amalan yang berlandaskan syariat Islam. Secara jelas, perbincangan latar belakang berkaitan *ḥisbat* dihuraikan dalam subtopik 1.2.4.

#### **1.2.4 *Ḥisbat* Sebagai Mekanisme Pengawasan Dalam Pengurusan Insan Berteraskan Islam**

*Ḥisbat* merupakan suatu kaedah atau ilmu pengawasan yang bersumberkan al-Qur'an dan Sunnah serta berpaksikan kepada prinsip *al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar* (Auni Abdullah, 2000). Ia mula dicetuskan dan diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam menguruskan insan untuk membentasi segala kegiatan yang melanggar garis panduan Islam seperti penindasan, riba dan sebagainya. Hal ini berdasarkan Hadis Rasulullah SAW yang menjalankan pengawasan di pasar dalam membasmi penipuan dalam jual beli. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a, Baginda Rasulullah SAW bersabda:

*“Rasulullah SAW telah melalui satu longgokan buah-buahan lalu Rasulullah SAW memasukkan tangannya ke dalam longgokan tersebut dan didapati di dalamnya terdapat buah-buahan yang buruk. Rasulullah SAW bertanya kepada tuan punya buah-buahan lalu dijawab buah-buahan tersebut menjadi buruk disebabkan musibah hujan. Maka Rasulullah SAW menyebutkan adakah kamu meletakkan buah-buahan yang elok di atas untuk dilihat oleh orang ramai bahawa buah-buahan itu semuanya adalah baik. Lalu Rasulullah SAW menegaskan bahawa siapa menipu ia bukan daripada golonganmu”.*

(Hadis Riwayat Muslim, No. Hadis: 0079)

Pada peringkat awal, sejarah pelaksanaan *hisbat* dilaksanakan sendiri oleh Baginda Rasulullah SAW dengan tujuan untuk mengawasi kegiatan insan di pasar dan urusan perdagangan (Auni Abdullah, 2000). Sistem pengawasan dalam menguruskan insan ini tidak hanya terhenti pada zaman Rasulullah SAW sahaja, ia diteruskan pada zaman Khulafā' ar-Rāsyidīn, Umayyāt, 'Abbāsiyyāt, 'Uthmāniyyāt dan empayar Islam yang lain. Pada zaman Khulafā' ar-Rāsyidīn misalnya, *hisbat* diteruskan sebagai institusi untuk mengawasi kegiatan insan di pasar bagi mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan sebagaimana yang telah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW. Pada era pemerintahan Umayyāt, gelaran Penyelia Pasar (*Sahib as-Suq*) atau Petugas di Pasar (*al-'amil fil-Suq*) telah digantikan dengan *muhtasib*<sup>8</sup> yang lebih khusus bagi mereka yang melaksanakan tugas yang bukan hanya berlaku di pasar (Auni Abdullah, 2000).

Pada era pemerintahan 'Abbasiyyāt pula, peranan *hisbat* dalam menguruskan insan dilihat semakin berkembang luas dengan terbentuknya jabatan kerajaan yang berasingan dengan jabatan-jabatan pentadbiran lain yang memainkan peranan *hisbat*

---

<sup>8</sup> *Muhtasib* ialah orang yang menjalankan tugas-tugas *hisbat*, sama ada terdiri daripada pemimpin sendiri (seperti yang dilaksanakan pada pemerintahan Khulafā' ar-Rāsyidīn atau melantik khusus seseorang untuk melaksanakan tugas tersebut seperti yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW. Seseorang *Muhtasib* mestilah Islam, berakal, baligh, merdeka, lelaki, berilmu, adil, berkemampuan dan mendapat keizinan daripada pemerintah (Mardzalah Makhsin, 2008).

dalam sesebuah kerajaan (Fatin Nabila Mohamad Tahir, 2016). Seterusnya *hisbat* dilihat lebih teratur dan tersusun pada era pemerintahan ‘Uthmāniyat kerana peranan dan tugas *hisbat* telah disusun dalam sebuah buku yang dipanggil *Ihtisab Kanunameleri* untuk memberikan panduan kepada pelaksana *hisbat* pada zamannya menjalankan aktiviti *hisbat* mengikut panduan yang telah ditetapkan (Auni Abdullah, 2000).

Perkembangan *hisbat* dalam menguruskan insan pada masa kini pula dilihat berlaku sesuai mengikut tempat, masa dan bidang kuasa yang diberikan kepada *hisbat* di sesebuah negara (Samsul Bahri Zakaria, 2014). Di peringkat global misalnya, perkembangan *hisbat* dalam menguruskan insan dapat dilihat antaranya di negara Mesir, Nigeria dan Indonesia. Walaupun tidak disebut sebagai institusi *hisbat* namun ada beberapa jabatan dan agensi yang masih melaksanakan tugasannya sebagaimana fungsi yang dimainkan *hisbat* pada awal Islam. Misalnya di Moroko dan Arab Saudi, *hisbat* berperanan untuk mengurus kepentingan umum bagi menegakkan hukum mencegah keburukan dan menyeru kepada kebaikan (Marah Halim, 2011). Hal ini dipercayai turut berlaku di Nigeria iaitu fungsi *hisbat* adalah untuk mengawal jenayah dalam negara tersebut (Katune, 2015). Di Aceh, Indonesia pula, *hisbat* telah berkempang pesat dengan wujudnya institusi yang mengawal tingkah laku masyarakat yang dipanggil sebagai Wilayatul *Hisbat*.

Begitu juga dengan perkembangan *hisbat* dalam menguruskan insan di peringkat nasional atau di Malaysia, hal ini dapat dibuktikan melalui kewujudan jabatan-jabatan khusus untuk mencegah kemungkaran dari pelbagai aspek. Contohnya, Badan Pencegah Rasuah, Biro Pengaduan Awam, Jabatan Audit Negara,

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan sebagainya. Berikutan itu, perkembangan *hisbat* dalam menguruskan insan dilihat semakin meluas dengan menjadikan prinsip dan matlamat utama *hisbat* sebagai panduan untuk diterapkan dan dilaksanakan oleh jabatan dan agensi penguatkuasa seperti mana pada awal pelaksanaannya (Mohamad Ezam Mohd Nor, 2010).

Berdasarkan pandangan Auni Abdullah (2000) pelaksanaan *hisbat* pada awal Islam sehingga kini pada asasnya mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mengawasi moral, akhlak serta kepatuhan insan terhadap suruhan agama. Pelaksanaannya secara tidak langsung merangkumi tahap-tahap dalam *hisbat*. Menurut Auni Abdullah (2000) *hisbat* pada asasnya mempunyai empat tahap yang merangkumi pengawasan dalaman dan luaran<sup>9</sup> (Auni Abdullah, 2000). *Hisbat* dalaman terdiri daripada pengawasan diri sendiri dan pengawasan Ilahi, manakala *hisbat* luaran pula merupakan pengawasan daripada masyarakat dan pengawasan rasmi oleh pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, kedua-dua pengawasan ini adalah saling berkait kerana pengawasan yang dilakukan oleh masyarakat dan pihak berkuasa adalah bertujuan untuk mengawasi dalaman insan daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan undang-undang negara mahupun melanggar garis panduan Islam.

Sehubungan dengan itu, bersesuaian dengan perkembangannya mengikut peredaran zaman, *hisbat* dilihat perlu memainkan fungsi yang pelbagai untuk mengatasi sebarang cabaran dalam aktiviti insan (Auni Abdullah, 2000). Tambahan pula, Abdul

---

<sup>9</sup> *Hisbat* dalam kajian ini berfokuskan kepada *hisbat* dalaman sahaja. Hal ini disebabkan, *hisbat* dalaman dilihat mempunyai hubung kait untuk mewujudkan satu pengawasan secara menyeluruh terhadap dalaman insan merangkumi *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs*.

Karim Zaidan (2002) berpendapat bahawa pelaksanaan *hisbat* dapat menyelamatkan insan daripada azab Allah SWT dan dapat menurunkan rahmat-Nya. Hal ini selari dengan konsep *hisbat* yang utama iaitu untuk melaksanakan tugas keagamaan dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran (al-Māwardiy, 1993; al-Ghazāliy, 1981b).

Pada asasnya konsep menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran atau *al-'amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* dibahagikan kepada tiga bahagian yang dapat memenuhi hak manusia iaitu urusan yang berkaitan hak-hak Allah SWT, urusan berkaitan hak-hak manusia dan urusan berkaitan hak Allah SWT dan hak Manusia (al-Māwardiy, 1993; Samsul Bahri Zakaria, 2014).

Firman Allah SWT:

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

(Āli-‘Imrān, 3: 104)

Ayat 104 daripada Surah Āli-‘Imrān menunjukkan bahawa seruan *al-'amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* atau menyuruh membuat kebaikan dan melarang melakukan kemungkaran ke atas setiap individu adalah bertujuan memastikan persekitaran yang baik dapat diwujudkan iaitu melahirkan insan yang berbudi pekerti, berkerjasama dan berkeadilan dalam sesuatu urusan (Sayyid Qutb, 2000). Untuk memastikan tugas *al-'amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* ini berjalan dengan sebaik mungkin dalam menguruskan insan berteraskan Islam, beberapa pengkaji telah menyenaraikan proses dan prinsip *hisbat* bagi memastikan tugasan

menguruskan insan untuk mengajaknya ke arah kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkar dapat dilaksanakan<sup>10</sup>.

Hal ini bersesuaian dengan pandangan Auni Abdullah (2000) yang menyatakan bahawa pengurusan insan berteraskan Islam yang baik adalah pengurusan insan yang berpegang kepada konsep *hisbat*. Justeru, dapat disimpulkan bahawa *hisbat* memainkan peranan penting dalam menguruskan insan dari aspek pengawasan dirinya sendiri sesuai dengan prinsip dan matlamat yang telah ditetapkan melalui elemen atau kaedah tertentu. Hal ini seterusnya membawa kepada perbincangan pernyataan masalah yang menjadi kepentingan kajian ini dilahirkan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan perbincangan latar belakang kajian sebelum ini membuktikan bahawa pengurusan insan berteraskan Islam menitikberatkan pengurusan khususnya dari aspek spiritual, emosional dan fizikal yang berdasarkan kepada *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* yang bermatlamat untuk mencapai keredaan Allah SWT. Menurut Rothman dan Coyle (2020) *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* merupakan komponen utama dalam psikologi Islam yang memainkan peranan dalam melahirkan insan yang berdaya sihat secara spiritual atau emosional seterusnya menyumbang kepada kesihatan fizikal. Fadzila Azni Ahmad (2016) serta Ab. Aziz Yusof dan Mutiara Dwi Sari (2017) pula menyatakan keseimbangan psikologi insan yang merangkumi komponen *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* penting dalam sesebuah pengurusan insan berteraskan Islam bagi memastikan agar dapat melahirkan insan yang berjaya dan dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

---

<sup>10</sup> Proses, fasa dan prinsip dalam *hisbat* dihuraikan secara terperinci dalam bab 4.

Perkara tersebut bersesuaian dengan pandangan Ruziati Mior Ahamad Ariffin (2018) yang berpendapat bahawa menguruskan insan melalui penekanan kepada aspek psikologi insan perlu ditingkatkan kerana ia dapat mempengaruhi tingkah laku insan dan jika tidak diuruskan dengan baik boleh membawa kepada masalah sosial yang lain. Tambahan pula, Abdul Mujib dan Jusuf Mudzakir (2002) menyatakan bahawa pengabaian terhadap aspek psikologi yang merangkumi komponen *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* akan menyebabkan gangguan jiwa dan masalah seperti kemurungan, stress dan sebagainya. Hal ini disokong oleh Mostafa Kamal Mohktar (2017) yang berpendapat bahawa masalah dalaman insan yang berpunca daripada *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* negatif menjadi penyebab dalam pembentukan niat kepada tingkah laku luaran dan perbuatan insan.

Lantaran itu, berdasarkan pandangan tersebut dapat diketahui bahawa menguruskan insan tanpa penekanan terhadap aspek *al-rūh*, *al-'aql*, *al-qalb* dan *al-nafs* akan menyebabkan seseorang insan tidak mampu menzahirkan tingkah laku dan perasaan yang baik ketika berhadapan dengan sebarang masalah yang wujud dan menyebabkan berlakunya masalah melibatkan psikologi yang lain. Melalui laporan *World Health Organization* (WHO, 2019a), terdapat sekurang-kurangnya 322 juta manusia di dunia mengalami masalah psikologi seperti kemurungan. Di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Institut Kesihatan Umum melalui Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (2019) mendapati bahawa masalah psikologi iaitu masalah kemurungan dari golongan dewasa adalah sebanyak 2.3% bersamaan setengah juta orang. Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh WHO (2019a), masalah kesihatan mental boleh menyebabkan proses pembangunan terbantut sehingga memberi kesan kepada ekonomi.

Melihat kepada masalah psikologi dalam kalangan insan inilah maka wujud beberapa konsep pengurusan psikologi sama ada secara lazim atau Islam. Namun, kajian mendapati konsep pengurusan psikologi lazim seperti konsep kawalan lokus dan konsep sendiri secara umumnya tidak menyentuh kepada aspek hubungan insan dengan Allah SWT (Jamaludin Ramli, 2008; Tyler et al., 2020). Berbeza dengan konsep pengurusan psikologi Islam yang sedia ada seperti konsep psikoterapi Islam dan konsep psikospiritual Islam. Berdasarkan penelitian, penyelidik mendapati bahawa kedua-dua konsep tersebut menekankan hubungan insan dengan Allah SWT berpandukan kaedah tasawuf atau penyucian hati melalui proses *tazkiyah na-nafs*. Hal ini berbeza dengan konsep baharu yang diketengahkan oleh Azrin Ibrahim (2020) iaitu konsep psiko-*ḥisbat* yang menekankan prinsip *al-'amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*. Namun, jika diteliti dengan lebih jelas konsep psiko-*ḥisbat* tersebut masih diperingkat awal dan belum ada kajian mendalam yang dilakukan untuk membina konsep psiko-*ḥisbat* secara khusus untuk pengurusan insan berteraskan Islam.

*Ḥisbat* merupakan sistem pengawasan Islam bertunjangkan *al-'amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* (Ibn Khaldūn, 1930; al-Māwardiy, 1993; al-Ghazāliy, 1981b; Ibn Taymiyyat, 1993) yang bukan hanya berfungsi sebagai sebuah institusi pengawasan dalam Islam malah dapat bertindak sebagai pengawas diri insan melalui beberapa proses *ḥisbat* seperti *musyarāṭat*, *murāqabat*, *muḥāsabat*, *mu'āqabat*, *mujāḥadat* dan *mu'ātabat* serta melibatkan prinsip pengawasan Allah SWT, pembalasan yang setimpal, tanggungjawab melaksanakan kewajipan dan kewajipan menyuruh kepada kebaikan serta mencegah daripada melakukan kemungkaran